

TAJUK SEMINAR : HOSPITAL MESRA IBADAH

Tarikh : 3 Julai 2023 (Isnin)

Tempat : Mini Theater , Hospital Sultan Azlan Shah, UPM Serdang

Disediakan Oleh : Nur Syamimi Binti Othman

1. **Hospital Mesra Ibadah** merupakan satu anjakan paradigma dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan kesihatan dengan menggunakan kaedah holistik mengambil kira aspek fizikal, psikologi , mental dan spiritual dalam memberi rawatan kepada pesakit serta di dalam pentadbiran sesebuah hospital atau pusat rawatan. Konsep ini bagi membantu memudahkan sesiapa sahaja samada pesakit, pelawat, kakitangan, dan keluarga agar dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan mendapat **Mardhatillah** iaitu keredhaan dari Allah S.W.T. Sebagai contohnya, setiap pesakit yang beragama Islam dibantu dan dipermudahkan menjalani pelbagai ibadah terutama ibadah solat semasa menerima rawatan di hospital dan budaya memberi salam.
2. Konsep HMI dilaksanakan oleh pengamal dan petugas perubatan seperti berikut:-
 - Memberi orientasi seperti tunjukkan arah kiblat kepada pesakit
 - Membuat assesmen terhadap pesakit , contohnya; keupayaan beribadah secara fizikal, pengetahuan berkaitan solat dan kefahaman
 - Mengingatkan pesakit dan bantu ikut keupayaannya seperti wuduk, tayammum dan solat jama'
 - Sentiasa mengucapkan salam dan senyum ketika menjalankan rawatan, membaca bismillah dan akhiri dengan Inshaallah/Alhamdulillah
 - Menghormati pesakit dengan menyediakan pakaian pesakit yang menutup aurat
3. **Penekanan *Maqasid Al-Syariah* dalam perubatan.** Bagi pengamal dan petugas perubatan yang melaksanakan tugas berlandaskan garis panduan Islam, berikut adalah lima asas utama *Maqasid Al-Syariah* yang harus dipatuhi turutan iaitu, yang pertama memelihara agama iaitu petugas perubatan harus memelihara agama dalam setiap keputusan yang diambil semasa merawat pesakit; kedua, memelihara nyawa iaitu ilmu perubatan digunakan untuk menjaga dan memastikan kualiti hidup yang terbaik untuk melaksanakan ibadah kepada Allah; ketiga, memelihara akal iaitu petugas kesihatan dipertanggungjawabkan untuk memelihara akal dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil seperti membantu pesakit mendapatkan rawatan metal/psikologi dan menasihati pesakit akan hukum mengambil alkohol/ dadah; keempat, memelihara keturunan iaitu setiap masalah ummah menjadi tanggungjawab setiap individu dan yang terakhir memelihara harta iaitu harta adalah amanah Allah, bukan kita punya melainkan apa yang kita belanjakan ke jalan Allah. Jangan kamu memakan harta sebahagian kamu dengan jalan batil (al-Baqarah:188)

4. Selain itu, dalam Islam ini adanya rukhsah (permudahkan) dalam beribadat kepada pesakit antaranya, mendapatkan bantuan untuk berwuduk/tayamum, tayamum, meninggalkan solat jumaat, solat tanpa wudhuk dan tayamum, solat tanpa menghadap kiblat, aurat pesakit serta lain-lain lagi. Disamping itu, adanya juga cara solat untuk pesakit seperti solat berdiri, solat duduk (duduk iftirasy/atas lantai, duduk bersila, duduk berlunjur, duduk atas kerusi), solat baring, solat terlentang, solat dengan mata dan solat dengan hati. Berikut merupakan kaedah solat bagi pesakit:

- Jika mengiring, ketika rukuk hendaklah pesakit menundukkan kepalanya sedikit (sekadar yang termampu), ketika sujud pula hendaklah ditundukkan kepalanya lebih sedikit dari kadar ketika ruku'nya (jika mampu)
- Jika berbaring, kebiasaan pesakit yang solat berbaring adalah pesakit yang tidak mampu untuk bergerak. Maka diharuskan kepadanya untuk solat menggunakan isyarat mata. Kadar rukuk (mata ditutup separu) dan sujud (mata ditutup terus) mestilah berbeza sedikit berbanding ketika *qiam*.

Kesimpulannya, Konsep HMI ini memberi impak yang besar dimana kita membantu pesakit melaksanakan ibadat disamping ini salah satu dakwah platform. Konsep ini juga perlu diterapkan kepada semua warga kerja, bagi mencapai nilai-nilai kecemerlangan dan integriti diri yang tinggi dan mendapat rezeki yang berkat. 7 amalan terbaik kerja harian yang boleh kita laksanakan adalah mulakan dengan 'Basmalah', banyakkkan menyebut 'subhanallah', melafazkan kesyukuran 'Alhamdulillah', sentiasa menyebut 'Allahuakbar', sentiasa berusaha untuk solat berjemaah dan sentiasa berdoa.